

27/09/1999

Manfaat nikmat di bumi, lautan

Tok Siak

ASSALAMUALAIKUM. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat rahmat dan hidayah-Nya kita dapat bertemu lagi hari ini. Usia yang diberi Allah kepada kita semua adalah satu nikmat yang tidak terkira harganya, dan sama-samalah kita membuat kebajikan sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan pengikut setianya.

Malam tadi Tok Guru yang mengajar. Tok Guru membaca beberapa ayat suci al-Quran mengenai ekonomi.

Allah SWT berfirman (maksudnya): Dan kami tundukkan (serahkan) binatang-binatang itu untuk mereka. Sebahagian mereka tunggangi dan sebahagian mereka makan. Dan mereka memperoleh padanya manfaat yang banyak dan minuman. Maka mengapakah mereka tidak bersyukur? (Yaa Siin: 72-73.)

Allah SWT berfirman (maksudnya): Supaya mereka menyaksikan (memperoleh) manfaat buat mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah beberapa hari yang ditentukan (pada 10, 11, 12, dan 13 Zulhijjah) kerana rezeki binatang ternak yang diberikan kepada mereka (untuk dijadikan korban pada hari-hari berkenaan). Maka makanlah sebahagian (daging korban itu) dan berikan kepada orang miskin yang melarat. (Al-Hajj: 28).

Allah SWT berfirman (maksudnya): Apakah kamu tidak melihat (memikirkan) bahawasanya Allah menyerahkan kepadamu semua yang ada di bumi dan bahtera yang berlayar di lautan dengan perintahNya (menurut aturan-Nya). Dan Dialah yang menahan (isi) ruang angkasa sehingga tidak jatuh ke bumi, kecuali dengan izin-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia. (Al-Hajj: 65).

Kata Tok Guru, nikmat Allah kepada manusia terlalu banyak sehingga tidak terbilang dan terhitung jumlahnya. Air misalnya menjadi sumber hidup manusia. Daripadanya juga hidup tumbuhan dan binatang yang melata, yang dijadikan Allah, sesetengahnya untuk menjadi kenderaan atau digunakan oleh manusia manakala sesetengahnya pula boleh menjadi bahan makanan untuk manusia.

Begitu juga laut yang luas, dengan segala isinya tersedia untuk dimanfaatkan. Matahari, bulan dan bintang yang selalu berputar pada garis edarnya diciptakan Allah untuk manusia. Cahaya matahari itu sendiri, jika dikira manfaatnya kepada manusia, tidak terhitung jumlahnya.

Walaupun sedemikian banyaknya nikmat yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia, masih ada manusia yang ingkar, yang tidak berterima kasih. Mereka selalu saja berbuat sekehendak hati dan mengikut perasaan serta nafsu amarahnya. Akhirnya yang menderita, diri mereka sendiri.

Kata Tok Guru lagi, segala ciptaan Allah SWT dan peringatannya di dalam ayat al-Quran seperti yang dibacanya itu hendaklah direnung dengan tenang. Peringatan Allah itu menunjukkan bahawa dari segi ekonomi, pertanian dan penyediaan makanan adalah bidang yang amat penting.

Berpandukan ayat-ayat al-Quran serta firman Allah yang lain lagi, itulah maka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutarakan wawasan terbarunya menjadikan Malaysia supaya menjadi negara pengeluar makanan dengan memanfaatkan khazanah sumber semula jadi - daratan, lautan atau tasik.

Kata Perdana Menteri dalam majlis dialog dengan peserta persidangan dan pameran multimedia Asia di Kuala Lumpur Khamis lalu, "Kita tidak menggunakan sepenuhnya tanah kita. Berikutan itu kita terpaksa mengimport

terlalu banyak makanan. Dengan itu ia menjejaskanimbangan dagangan."

Sesungguhnya terdapat pelbagai kegiatan pertanian yang dapat dilakukan dengan jayanya di Malaysia. Banyak tanah terbiar di seluruh Malaysia yang patut digunakan bagi mengusahakan pertanian, sama ada padi, jagung atau tanaman lain. Begitu juga kita boleh menternak pelbagai ternakan, lembu, kambing, biri-biri, itik dan angsa. Semuanya adalah sumber makanan penting.

Begitu juga kita mempunyai banyak tasik, sungai dan kawasan laut yang luas, yang boleh digunakan untuk menternak ikan, memelihara udang, ketam dan sebagainya yang halal dimakan.

Jika ini dapat dilakukan dengan baik, tentulah ini boleh mendatangkan keuntungan bukan saja dari segi kita boleh mengeksport ke luar negara, pada masa yang sama, kita boleh gunakan untuk rakyat kita sendiri.

(END)